

Faktor dan Implikasi Perkahwinan Tanpa Kebenaran di Negeri Kelantan

Ahmad Syakir Mohd Nassuruddin

ahmadsyakir@kias.edu.my

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra

Mohd Zain Mubarak

mzain@umk.edu.my

Universiti Malaysia Kelantan

ABSTRACT

Unauthorized marriages refer to marriages that are considered invalid under the Islamic Family Law Enactment in Malaysia. According to reports issued by the relevant authorities, the number of unauthorized marriage cases has been on the rise year after year, particularly in Kelantan. A total of 1,600 cases were recorded in 2021, which increased to 2,095 cases in 2022. This increase has raised concerns among religious authorities regarding the validity of these marriages, the protection of the rights of the spouses and children, as well as the long-term impact on family institutions. The objective of this study is to identify the factors and implications of unauthorized marriages in Kelantan, while also analyzing the statistics of such cases at the Syariah Prosecutor's Office in Kelantan. This study adopts a qualitative approach using case analysis methodology. Data collection was carried out through literature review, official documents, and interviews. Data analysis was conducted using a thematic analysis approach. The findings of the study reveal that while unauthorized marriages are deemed valid under Islamic law, they violate legal provisions. The factors contributing to unauthorized marriages include obstacles in the marriage registration procedure, documentation issues, and a lack of literacy regarding marriage registration. The study concludes that unauthorized marriages have negative implications for the wife, children, family, guardianship, inheritance, and both religious and legal institutions. The increasing number of unauthorized marriage cases between 2019 and 2023 warrants serious attention, particularly from religious authorities and family institutions, to raise public awareness about the importance of complying with Islamic legal provisions and ensuring stricter and more consistent enforcement of the law.

Keywords: Unauthorized marriages; Syariah Prosecutor's Office of Kelantan; Islamic Family Law

ABSTRAK

Perkahwinan tanpa kebenaran merupakan satu bentuk perkahwinan yang tidak sah menurut Enakmen Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia. Berdasarkan laporan yang dikeluarkan oleh pihak berautoriti, kes perkahwinan tanpa kebenaran menunjukkan peningkatan dari tahun ke tahun terutamanya di Kelantan. Sebanyak 1600 kes direkodkan pada tahun 2021 meningkat 2095

kes tahun 2022. Peningkatan ini menimbulkan kebimbangan dalam kalangan pihak berkuasa agama terhadap kesahihan perkahwinan, perlindungan hak pasangan dan anak-anak serta kesan jangka panjang terhadap institusi kekeluargaan. Objektif kajian ini mengenalpasti faktor dan implikasi perkahwinan tanpa kebenaran di Kelantan. Dalam pada itu, menganalisis statistik kes perkahwinan tanpa kebenaran di Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Kelantan. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui kaedah analisis kes. Pengumpulan data dilakukan melalui rujukan kepustakaan, dokumen rasmi, dan temu bual. Manakala analisis data menggunakan pendekatan analisis tematik. Hasil kajian mendapati hukum perkahwinan tanpa kebenaran adalah sah dari sudut syarak namun melanggar peruntukan undang-undang. Faktor berlakunya perkahwinan tanpa kebenaran disebabkan kekangan prosedur perkahwinan, masalah dokumentasi dan kurang literasi berhubung pendaftaran perkahwinan. Kajian merumuskan perkahwinan tanpa kebenaran memberi implikasi negatif terhadap isteri, anak, keluarga, perwalian, pewarisan, institusi agama dan perundangan. Peningkatan kes perkahwinan tanpa kebenaran dalam tempoh lima tahun (2019-2023) memerlukan perhatian serius terutama pihak berkuasa agama dan institusi kekeluargaan. Hal ini bagi meningkatkan kesedaran masyarakat tentang kepentingan mematuhi perundangan Islam yang ditetapkan serta memastikan penguatkuasaan undang-undang yang lebih ketat dan konsisten.

Kata Kunci: Perkahwinan tanpa kebenaran; Jabatan Pendakwaan Syariah Kelantan; Undang-undang Keluarga Islam.

PENDAHULUAN

Objektif utama disyariatkan perkahwinan adalah untuk merangka sebuah keluarga yang aman dan harmoni. Perkara ini dijelaskan oleh Allah SWT dalam surah al-Rum ayat 21:

وَمِنْ آيَاتِهِ أَنْ خَلَقَ لَكُمْ مِنْ أَنْفُسِكُمْ أَزْوَاجًا لِتَسْكُنُوا إِلَيْهَا وَجَعَلَ بَيْنَكُمْ مَوَدَّةً وَرَحْمَةً إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ ﴿٢١﴾

Terjemahan: *Dan antara tanda-tanda kekuasaan-Nya ialah Dia menciptakan untukmu isteri-isteri dari jenismu sendiri, supaya kamu cenderung dan merasa tenteram kepadanya, dan dijadikan-Nya di antaramu rasa kasih dan sayang. Sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar terdapat tanda-tanda bagi kaum yang berfikir.*

(Surah al-Rum, 30:21)

Perkahwinan adalah suatu perjanjian yang mengharuskan hubungan sah di antara lelaki dan wanita melibatkan hak dan tanggungjawab yang perlu dilaksanakan oleh kedua-dua suami dan isteri (Al-Zuhayli, 1995). Dalam konteks undang-undang Islam, tatacara perkahwinan adalah tertakluk kepada Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri yang ditadbir oleh Jabatan Agama Islam yang mewajibkan setiap pasangan mendaftarkan perkahwinan bagi menjaga masalah keluarga (Mahmood Zuhdi & Raihanah, 1989).

Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (EUUKI) tahun 2002 di negeri Kelantan menetapkan setiap perkahwinan perlu mendapatkan kelulusan daripada Pendaftar Nikah, Cerai dan Rujuk (PNCR). Namun, tahap kesedaran dan keprihatinan sebahagian pasangan menyebabkan

isu perkahwinan tanpa kebenaran masih berleluasa. Sinar Harian (2022) melaporkan 170 kes perkahwinan tanpa kebenaran telah direkodkan di Kelantan pada tahun 2022 iaitu peningkatan sebanyak 25% berbanding tahun sebelumnya. Peningkatan ini disebabkan oleh beberapa faktor termasuk prosedur perkahwinan yang dianggap rumit dan isu-isu berkaitan dokumentasi semasa proses permohonan perkahwinan (Md Zawawi et al., 2020)

Majoriti kes perkahwinan tanpa kebenaran di Kelantan melibatkan pasangan yang melangsungkan perkahwinan di Thailand disebabkan prosedur yang lebih mudah di negara tersebut (Berita Harian, 2022). Fenomena ini menimbulkan kebimbangan pihak berkuasa agama kerana bukan sahaja melanggar undang-undang tetapi kesan dari sudut status perkahwinan dan keabsahan anak-anak yang dilahirkan (Dina Imam Supaat et al., 2024).

Kajian ini menganalisis statistik kes perkahwinan tanpa kebenaran dalam tempoh 2019-2023 yang direkodkan oleh Jabatan Pendakwaan Syariah. Disamping itu, mengenal pasti faktor-faktor dan implikasi yang menyumbang dalam aspek hukum berkaitan perkahwinan tanpa kebenaran. Hasil kajian ini dapat memberi panduan kepada pihak berkuasa agama dalam merancang strategi yang lebih berkesan untuk menangani isu perkahwinan tanpa kebenaran di Kelantan.

PERMASALAHAN KAJIAN

Kebimbangan wujud dalam kalangan pihak berkuasa dan masyarakat berikutan fenomena perkahwinan tanpa kebenaran yang semakin berleluasan. Laporan akhbar Sinar Harian (2023) menunjukkan peningkatan kes perkahwinan tanpa kebenaran yang mendadak pada tahun 2023 berbanding tahun sebelumnya. Peningkatan ketara ini berpunca daripada pelbagai kelemahan asas dalam pengurusan kes perkahwinan merangkumi aspek pentadbiran, penguatkuasaan, dan kesedaran masyarakat terhadap keperluan mematuhi perundangan yang ditetapkan. Walaupun Enakmen Undang-undang Keluarga Islam telah menggariskan prosedur yang jelas, namun masih terdapat pasangan yang melangsungkan perkahwinan tanpa mengikuti prosedur yang ditetapkan. Ini menimbulkan persoalan tentang keberkesanan undang-undang dan tahap kesedaran masyarakat mengenai implikasi perkahwinan tanpa kebenaran (Abdullah, S. et al., 2021). Isu ini turut dikaitkan dengan peningkatan kes perkahwinan tanpa kebenaran secara rentas sempadan terutamanya di negara Thailand menyebabkan ia semakin sukar dikawal dan ditangani oleh pihak berkuasa (Hussain et al., 2020). Justeru, kajian ini dijalankan bagi menganalisis punca permasalahan, menilai implikasi yang timbul terhadap perkahwinan tanpa kebenaran dan mencadangkan penyelesaian untuk membendung peningkatan kes perkahwinan tanpa kebenaran pada masa hadapan.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini dijalankan menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk kajian kes, bertujuan untuk mengkaji fenomena perkahwinan tanpa kebenaran berdasarkan rekod yang diperolehi daripada Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Kelantan. Pemilihan jabatan ini adalah berasaskan peranan utamanya sebagai agensi pertama yang terlibat dalam pengendalian kes-kes berkaitan perkahwinan tanpa kebenaran di negeri tersebut. Keputusan untuk menumpukan perhatian kepada Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Kelantan juga didorong oleh ketersediaan data perkahwinan tanpa kebenaran. Data kepustakaan dalam kajian ini diperolehi daripada pelbagai sumber, termasuk

kitab-kitab ulama kontemporari, buku akademik, artikel jurnal, tesis, dan data rasmi daripada Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Kelantan. Kitab-kitab ulama kontemporari dijadikan rujukan utama dalam kajian ini kerana ia menjelaskan konsep umum menurut perspektif Islam. Sumber ini penting untuk memahami aplikasi hukum dengan mengaitkan teori dan prinsip syariah dengan isu-isu semasa yang timbul dalam perkahwinan tanpa kebenaran. Kaedah temu bual dipilih kerana pengkaji memperoleh maklumat yang lebih mendalam dan spesifik daripada responden. Tempoh temu bual yang dijalankan selama lapan bulan dari bulan Mei hingga Disember 2024 memberi ruang yang cukup untuk memperoleh data yang komprehensif dan tepat dari pelbagai pihak yang terlibat dalam proses pengendalian kes perkahwinan tanpa kebenaran. Untuk mendapatkan gambaran yang lebih jelas mengenai fenomena perkahwinan tanpa kebenaran di Kelantan, data yang diperoleh daripada sumber kepustakaan, temu bual dan pemerhatian akan dianalisis menggunakan pendekatan analisis tematik melalui kajian kes (Maxwell, 2012). Pendekatan ini membolehkan pengkaji mengenal pasti tema-tema utama dapatan kajian, mengkategorikan maklumat berdasarkan isu-isu yang relevan serta memahami hubungan antara faktor-faktor yang mempengaruhi perkahwinan tanpa kebenaran. Melalui analisis tematik ini, pengkaji akan dapat menghasilkan kesimpulan yang lebih mendalam tentang fenomena ini. Dalam pada itu memberikan saranan berdasarkan bukti untuk penambahbaikan terhadap isu perkahwinan tanpa kebenaran di Kelantan."Berikut adalah senarai informan yang terlibat dalam kajian ini:

1. YB Ustaz Mohd Asri bin Mat Daud: Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan dan Hubungan Seranta Kerajaan Negeri Kelantan.
2. YB. SS Dato' Kaya Perba Dato' Haji Mohamad Shukri bin Mohamad: Mufti Kerajaan Negeri Kelantan.
3. YB. Dato' Lela Perkasa Dato' Haji Che Mohd Rahim bin Haji Jusoh: Pengarah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan.
4. YAA Dato' Hj. Ibrahim bin Deris: Ketua Hakim Syarie Negeri Kelantan.
5. Tuan Mohd Hafiz bin Daud: Ketua Pendakwa Raya Syarie Kelantan.
6. Ustaz Naim bin Md. Ghazali: Pegawai Agama Jajahan Pasir Mas.
7. Ustaz Haji Abdullah bin Mohamad: Pegawai Agama Jajahan Tanah Merah.
8. Ustazah Siti Sarah binti Ibrahim: Pendaftar Nikah Cerai Rujuk Negeri Kelantan.
9. Ustaz Mohd Fadli bin Sulaiman: Pegawai Agama Jajahan Kota Bharu.
10. Ustazah Asmak binti Husin: Motivator.
11. Dr Nur Ilyani binti Mohamed Nawawi: Doktor Pakar Psikologi.
12. Puan Wan Nur Izzati Wan Rosli: Peguam Syarie

Maklumat informan dari sudut kod, jantina, jawatan, tarikh temu bual dan lokasi temu bual adalah seperti dalam jadual 1 di bawah:

JADUAL 1. Maklumat kesemua informan

No	Kod	Jantina	Jawatan*	Tarikh Temu Bual	Lokasi Temu Bual
1.	IK1	L	P	2 Ogos 2024	Pejabat Exco Kelantan
2.	IK2	L	MK	1 Ogos 2024	Pejabat Mufti Kelantan
3.	IK3	L	PJ	3 Ogos 2024	Pejabat JAHEAIK
4.	IK4	L	KHS	5 Ogos 2024	Pejabat KHS*
5.	IK5	L	KPRS	12 Jun 2024	Pejabat KPRS*
6.	IK6	L	PAJPM	14 Mei 2024	Pejabat PAJPM*
7.	IK7	L	PAJTM	11 Jun 2024	Pejabat PAJTM*
8.	IK8	P	PCRK	16 Mei 2024	Pejabat PCRK*
9.	IK9	L	PAJKB	5 Mei 2024	Pejabat PAJKB*
10.	IK10	P	M	12 Mei 2024	Pejabat Ustazah Asmak Husin Training
11.	IK11	P	DPP	12 Mei 2024	Pejabat Psikiatri Hospital
12.	IK12	P	PS1	14 Disember 2024	Kota Bharu

*Petunjuk Jawatan; **P**: Pengerusi, **M**: Mufti Kelantan, **PJ**: Pengarah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan (JAHEAIK), **KHS**: Ketua Hakim Syarie, **KPRS**: Ketua Pendakwa Raya Syarie, **PAJPM**: Pegawai Agama Jajahan Pasir Mas, **PAJTM**: Pegawai Agama Jajahan Tanah Merah, **PCRK**: Pendaftar Nikah Cerai Rujuk Negeri Kelantan, **PAJKB**: Pegawai Agama Jajahan Kota Bharu, **M**: Motivator, **DPP**: Doktor Pakar Psikologi, **PS**: Peguam Syarie.

DAPATAN KAJIAN

Konsep Perkahwinan dalam Islam

Perkahwinan berasal daripada perkataan Arab (النكاح) yang membawa maksud penggabungan dari sudut bahasa (Al-Ghazzi, 2020). Dari sudut syarak, perkahwinan diertikan sebagai satu akad perkahwinan yang menghalalkan hubungan antara pasangan lelaki dan perempuan yang dilakukan menurut rukun dan syarat yang telah ditetapkan oleh syarak (Mustafa, 2020).

Perkahwinan bukan sekadar satu ikatan antara dua individu, tetapi sebuah institusi dalam masyarakat meliputi pembentukan keluarga, penjagaan hak pasangan dan pewarisan harta dalam membina kehidupan yang harmoni. Manfaat hasil daripada perkahwinan adalah halal selagi ia berpaksikan kepada prinsip syarak dan tidak menyalahi tujuan asal pensyariatannya. (Al-Khallaf, 2017).

Dalil keharusan perkahwinan dalam Islam adalah berdasarkan nas syarak. Menurut Muhammad Adnan (1998), terdapat 24 kali ulangan perkataan “nikah” disebut dalam al-Qur’an membuktikan institusi perkahwinan merupakan suatu perkara yang diberi perhatian khusus dalam Islam. Firman Allah SWT dalam surah al-Nisā’, ayat 3:

فَأَنْكِحُوا مَا طَابَ لَكُمْ مِنَ النِّسَاءِ مَثْنَى وَثُلَاثَ وَرُبْعَ فَإِنْ جَفْتُمْ أَلَّا تَعْدِلُوا فَوْجِدُوا أَوْ مَا مَلَكَتْ أَيْمَانُكُمْ ذَلِكَ أَدْنَىٰ أَلَّا تَعُولُوا
Maksudnya: Maka berkahwinlah kamu dengan wanita-wanita yang disenangi dua, tiga ataupun empat. Jikalau kamu takut untuk berlaku adil, maka kahwinilah seorang sahaja.

(Al-Nisā’, 4:3)

Imām al-Qurṭubī (2006) menjelaskan Islam menggalakkan umatnya berkahwin dua, tiga, atau empat isteri dengan syarat lelaki mampu untuk berlaku adil kepada isteri-isterinya. Jika dia tidak mampu untuk berlaku adil, maka perkahwinan dengan seorang isteri adalah lebih baik dan lebih sesuai. Ini menunjukkan bahawa Islam menghormati fitrah semulajadi serta keinginan lelaki untuk membina keluarga dan menetapkan panduan yang jelas dari sudut kemampuan. Jika lelaki mampu memenuhi tanggungjawab dengan adil maka perkahwinan dengan lebih dari satu isteri dibenarkan dan begitulah sebaliknya (Al-Tabari, 2001). Berdasarkan ayat al-Nisa' tersebut, terdapat panduan jelas berhubung hal perkahwinan melalui pengiktirafan fitrah manusia yang cenderung kepada pasangan dan keturunan. Perintah berlaku adil adalah untuk memastikan matlamat perkahwinan tercapai. Ayat ini turut menolak sebarang bentuk hubungan antara lelaki dan wanita yang tidak sah dari segi akad bagi menjaga hak keadilan dan perlindungan terhadap wanita.

Bagi memastikan perkahwinan sah di sisi syarak, Islam menetapkan lima rukun utama yang perlu dipenuhi. Rukun nikah terdiri daripada lelaki, perempuan, ijab qabul, wali dan dua orang saksi merupakan asas utama pengesahan akad nikah dan berfungsi sebagai panduan dalam perkahwinan. Ketiadaan salah satu daripada lima rukun akan menyebabkan akad perkahwinan tidak sah. Oleh itu, pematuhan kepada kelima-lima rukun ini adalah suatu kewajipan yang tidak boleh dinafikan bagi menjamin kesahihan hubungan antara lelaki dan perempuan serta memastikan perlindungan hak kepada kedua-dua belah pihak.

Dalam konteks *maqasid* syariah, Imam al-Ghazali (2020) menyenaraikan lima objektif utama perkahwinan iaitu pertama-menghasilkan keturunan sebagai bekalan ibu bapa melalui doa *zurriat*nya anak yang soleh. Kedua, perkahwinan memelihara diri daripada terjebak perkara yang diharamkan iaitu persetubuhan tidak sah. Manakala yang ketiga adalah menyelesaikan masalah mental dan hati yang datang daripada kedua-dua pihak sama ada lelaki dan perempuan. Maqasid perkahwinan keempat adalah menggembirakan lelaki dan perempuan yang saling melengkapi antara satu sama lain di samping mendorong kekuatan dalam melaksanakan ibadah kepada Allah. Manakala yang terakhir adalah bermujahadah bersama dalam melawan nafsu kehidupan berumah tangga. Kelima-lima objektif perkahwinan perlu difahami dengan mendalam sebelum melayari bahtera perkahwinan yang berdepan dengan pelbagai cabaran.

Al-Syatibi membahagikan objektif syariah kepada tiga peringkat iaitu *darūriyyāt*, *hājiyyāt*, dan *taḥsīniyyāt*. Ketiga-tiga kategori tersebut saling melengkapi antara satu sama lain. *Darūriyyāt* ialah suatu perkara yang amat diperlukan demi kelangsungan hidup dan kesejahteraan manusia. Tanpa *daruriyyat*, sistem kehidupan akan tergugat dan manusia akan berada dalam kemudaratan. Ketiga-tiga peringkat *maqasid* syariah sama ada *darūriyyāt*, *hājiyyāt* dan *taḥsīniyyāt* memainkan peranan penting dalam menjadikan institusi perkahwinan selari dengan matlamat syariat secara sempurna. Dalam masa yang sama, dapat menghindari terjadinya isu-isu di dalam perkahwinan.

Konsep Perkahwinan Tanpa Kebenaran

Perkahwinan tanpa kebenaran dalam bahasa Arab disebut sebagai "*zawaj 'urfi*", bermaksud sesuatu akad perkahwinan tanpa memperoleh persetujuan dari pihak institusi agama yang sah. Walaupun ada pandangan mengharuskan perkahwinan tersebut apabila memenuhi rukun dan syarat yang ditetapkan, namun ia berisiko dengan kesan buruk apabila berlaku pertikaian hak ketika bercerai (Al-Zuhayli, 2011). Ulama kontemporari mempunyai pelbagai pandangan dalam perkara ini Yusof al-Qaradawi (2011) dan beberapa ulama lain mengharuskan perkahwinan tanpa kebenaran dengan

memberi penekanan kepada rukun dan syarat yang dipenuhi sebagai syarat kesahan perkahwinan. Ini berlandaskan hadis Rasulullah SAW yang bermaksud:

“Tidak sah nikah melainkan dengan wali dan dua orang saksi yang adil”
(Riwayat Abū Dāwūd)

Muṣṭafā Aḥmad Zarqā’ (1967) berpandangan bahawa meskipun perkahwinan tanpa kebenaran sah menurut pertimbangan syarak, namun pendaftaran perkahwinan untuk menjaga kebaikan dan menghindari kesulitan semua pihak. Pandangan ini berlandaskan hujah kaedah fiqh yang menyebut bahawa *“Tindakan pemerintah ke atas rakyat adalah berdasarkan masalah.”* Pandangan ini disokong oleh Sheikh Muḥammad bin Ibrāhīm (1979) demi memastikan hak isteri dan anak-anak terpelihara dan selaras dengan kaedah fiqh iaitu *“Menolak kemudaratatan lebih diutamakan daripada mengambil manfaat.”*

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-52 (2002) telah memutuskan keharusan perkahwinan tanpa kebenaran sekiranya memenuhi rukun dan syarat perkahwinan. Walau bagaimanapun ia tetap merupakan kesalahan dari sudut undang-undang. Pandangan jawatankuasa fatwa seiring dengan pandangan majoriti ulama untuk memelihara kemaslahatan institusi keluarga. Pematuhan kepada undang-undang oleh setiap umat Islam penting bagi menghindari kesulitan terutamanya pada pasca penceraian atau selepas kematian.

Secara keseluruhannya, majoriti ulama tidak mengharuskan perkahwinan tanpa kebenaran demi menjaga keutuhan institusi keluarga. Justeru, kewajipan mendapatkan kebenaran daripada pihak Pendaftar, Nikah, Cerai dan Rujuk adalah langkah sepatutnya untuk memastikan kemaslahatan keluarga, masyarakat, institusi dan perundangan.


Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Kelantan (JPSK)

Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Kelantan (JPSK) ditubuhkan pada tahun 1988 sejajar dengan pewartaan di bawah Enakmen Pentadbiran Mahkamah Syariah Negeri Kelantan 1982. Objektif penubuhan jabatan bertujuan untuk memperkukuhkan pelaksanaan undang-undang syariah. Pada peringkat awal penubuhan ia dikenali sebagai Unit Pendakwaan dan telah dinaik taraf kepada Jabatan Pendakwaan Syariah pada tahun 1995 dalam memperkukuh sistem perundangan Islam di Kelantan (Samsudin, 2022).

Peranan utama JPSK adalah melaksanakan pendakwaan kes-kes jenayah syariah, mengendalikan prosiding perbicaraan di Mahkamah Syariah serta menyediakan kertas pertuduhan kepada pihak tertuduh. Di samping itu, jabatan pendakwaan berfungsi dalam penguatkuasaan undang-undang melalui khidmat nasihat, semakan kertas siasatan dan pengeluaran arahan terhadap setiap pendakwaan. Antara cabaran besar JPSK ialah memastikan pelaksanaan peruntukan Seksyen 40(1) EUUKI Negeri Kelantan 2002 dijalankan dengan berkesan. Ini boleh dilaksanakan melalui pemerkasaan program undang-undang keluarga di masjid dan surau serta kempen di media sosial berhubung implikasi pelanggaran undang-undang keluarga Islam (Suhaya et al. 2017).

Faktor-Faktor Perkahwinan Tanpa Kebenaran

Hasil kajian mengenai faktor-faktor yang mendorong perkahwinan tanpa kebenaran yang dijalankan melalui pengumpulan data menggunakan kaedah kepustakaan dan temu bual mendapati empat faktor utama yang terlibat. Faktor-faktor tersebut ialah keinginan untuk berpoligami, kesukaran dalam mengikuti prosedur, kekurangan literasi mengenai prosedur perkahwinan yang betul, serta kehamilan luar nikah:



RAJAH 1. Faktor Perkahwinan Tanpa Kebenaran

Keinginan berpoligami merupakan faktor pertama perkahwinan tanpa kebenaran. Ketidakizinan isteri pertama untuk berpoligami menjadi faktor penting yang menyumbang kepada berlakunya perkahwinan tanpa kebenaran (Muhammad Safiq Imran, 2018). Kebanyakan suami menggunakan alasan prosedur poligami yang ketat menyebabkan mereka terpaksa memilih untuk berkahwin tanpa kebenaran di Thailand kerana prosedurnya lebih mudah (Hafiz, 2024). Merujuk kepada prosedur untuk berpoligami, undang-undang telah menjelaskan secara terperinci di bawah seksyen 23:

Seksyen 23. Poligami

- 1) Seorang lelaki tidak dibenarkan, semasa wujudnya suatu perkahwinan, untuk melangsungkan akad nikah dengan perempuan lain, kecuali dengan mendapat kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Mahkamah.
- 2) Mana-mana perkahwinan yang diakad nikahkan tanpa kebenaran yang dinyatakan di bawah subseksyen (1) tidak boleh didaftarkan di bawah Enakmen ini kecuali jika Mahkamah berpuas hati bahawa perkahwinan tersebut adalah sah menurut Hukum Syarak dan Mahkamah telah memutuskan agar perkahwinan itu didaftarkan, tertakluk kepada Seksyen 124.

- 3) Subseksyen (1) terpakai kepada perkahwinan yang dilakukan oleh seorang lelaki yang bermastautin dalam atau luar negeri ini, dan juga kepada perkahwinan yang dilangsungkan di luar negeri oleh seorang lelaki yang bermastautin di negeri ini.
- 4) Permohonan bagi kebenaran perkahwinan poligami hendaklah dikemukakan kepada Mahkamah mengikut prosedur yang ditetapkan dan mesti disertakan dengan suatu iqrar yang mengandungi alasan-alasan mengapa perkahwinan yang dicadangkan dianggap wajar atau perlu. Permohonan juga perlu menyatakan pendapatan pemohon, butir-butir komitmen kewangan dan kewajipan tanggungan pemohon, bilangan orang tanggungan, serta sama ada izin atau pandangan daripada isteri atau isteri-isteri yang sedia ada telah diperoleh.
- 5) Apabila menerima permohonan tersebut, Mahkamah hendaklah memanggil pemohon, isteri atau isteri-isterinya yang sedia ada, bakal isteri, wali bakal isteri, dan mana-mana individu yang dianggap oleh Mahkamah mampu memberi keterangan mengenai perkahwinan yang dicadangkan. Perbicaraan ini akan dijalankan dalam Mahkamah tertutup, dan Mahkamah berhak memberi kebenaran bagi perkahwinan yang dicadangkan jika ia berpuas hati dengan hal-hal berikut:
 - a. Perkahwinan yang dicadangkan dianggap patut atau perlu, dengan mengambil kira faktor-faktor seperti kemandulan, keuzuran jasmani, ketidakupayaan jasmani untuk persetubuhan, kegagalan untuk mematuhi perintah pemulihan hak-hak persetubuhan, atau gangguan mental pada isteri atau isteri-isteri yang sedia ada;
 - b. Pemohon mempunyai kemampuan yang mencukupi untuk menanggung semua isteri dan orang tanggungannya menurut kehendak Hukum Syarak;
 - c. Pemohon mampu memberikan layanan yang adil kepada semua isterinya mengikut kehendak Hukum Syarak; dan
 - d. Perkahwinan yang dicadangkan tidak akan menyebabkan mudarat syarie kepada isteri atau isteri-isteri yang sedia ada.

Hasil temu bual yang dijalankan bersama responden berhubung faktor perkahwinan tanpa kebenaran, majoriti responden iaitu IK1 sehingga IK12 bersetuju poligami merupakan faktor utama. Tambahan pada itu, kebiasaan terlibat dengan poligami adalah golongan berkemampuan dari sudut kewangan tetapi khuatir diketahui isteri pertama dan bakal berhadapan dengan pelbagai masalah pada awal perkahwinan. Ini dapat diperhatikan melalui kenyataan IK8:

Bentuk hok ambo napoknyo skalo gak heloh dale nikoh ni tok ley lari dah poligami, dia nok nikah senyap-senyap selalunya ore nikoh poligami ni ore hok kayo. Kalu nk mintak izin daripada mahkamah dia risa takut isteri pertama tahu, so dia kawen alik siye. Pah bila balik dia nikah smula pulok.

Walau bagaimanapun berbeza dan menarik pula situasi golongan bawahan ataupun kelompok B40 berdasarkan informan IK1 iaitu seorang tukang kebun di hospital yang memohon kebenaran mahkamah untuk berkahwin dengan doktor perubatan. Dalam kes ini mahkamah memberikan kebenaran berdasarkan pertimbangan dan keizinan isteri pertama. Ini menunjukkan faktor

berpoligami bukan berpunca daripada kemampuan semata-mata tetapi kesediaan semua pihak untuk memahami dan bertoleransi.

Selain itu faktor yang menyumbang kepada perkahwinan tanpa kebenaran adalah kesulitan dalam prosedur perkahwinan. Kajian oleh Mohd Zahiruddin Fahmi (2015) mendapati prosedur yang rumit menjadi punca utama berlakunya perkahwinan tanpa kebenaran. Antara yang menjadi sebutan prosedur ini adalah kerumitan mendapatkan pengesahan status bujang, kebenaran wali dan proses dokumentasi yang lama. Hafiz (2024) menyatakan terdapat pasangan menunggu hampir enam bulan untuk mendapatkan kelulusan perkahwinan. Ini dapat diperhatikan melalui kenyataan oleh IK5:

Hok banyak gak iaitu poligami. Nok nikah sini, peruntukan ada iaitu Seksyen 23 ado, tapi dale enakmen kato, kena notis kepada isteri pertama. Seolah-olah isteri pertama tahu, mung ni ado buat permohonan nih, mu marilah nok bantah ko, nok setuju ko. Jadi nok elak benda tu, nikah alik siye.

Situasi ini membimbangkan kerana terdapat sebahagian masyarakat yang memandang remeh terhadap undang-undang yang dikuatkuasakan.

Faktor seterusnya adalah kurang literasi atau kefahaman tentang prosedur perkahwinan menyebabkan ada dalam kalangan masyarakat yang megambil sikap mudah tanpa memikirkan implikasi buruk (Baihaqi, M., 2022). Kajian oleh Institut Penyelidikan Keluarga Malaysia (2021) mendapati 40% responden tidak memahami tatacara sebenar perkahwinan di sisi undang-undang manakala 30% tidak mengetahui tentang perkahwinan tanpa kebenaran merupakan suatu kesalahan matrimony. Salah faham terhadap prosedur yang telah ditetapkan IK6 menjelaskan keadaan ini dengan berkata:

Dia sebenarnya punca besar jadi ore berhelah ni adalah disebabkan persepsi sahaja. Sebab dia diwar-warkan nikah Thailand ni mudah, padahal nok buley ko nikah tu mudah yang kita rasa sahaja.

Kehamilan luar nikah akibat perbuatan zina merupakan salah satu faktor berlakunya perkahwinan tanpa kebenaran. Mereka ini memilih untuk melangsungkan perkahwinan tanpa kebenaran sebagai jalan mudah untuk mengelakkan rasa malu (Siti Aishah et al., 2022). Oleh itu, program kesedaran dan pendidikan seksual di peringkat sekolah perlu diadakan untuk mengekang aktiviti tersebut daripada berleluasa (Zanariah Noor, 2013). Temu bual bersama IK3 tentang faktor ini menyebut:

Ada kes bila dia mari jupo dengan kita di pejabat, mintak supaya percepat proses ngesah perkahwinan, bila ditanya sebab gapo? Mulanya dia x se sebut tapi bila lama kita tnya hal yang sebenar, baru dia bagitau yang sebenarnya dia nikah di Thailand bila hok puwe tu disahkan mengandung, alik pejabat agama meme kita tegas dalam bab ni, kita tolong tu tolong jugak tapi dia kena ikut prosedur hok kita buat la.

Keempat-empat faktor iaitu poligami, kesukaran prosedur, kurang literasi mengenai prosedur perkahwinan dan kehamilan luar nikah merupakan perkara penting memerlukan

perhatian semua pihak yang bertanggungjawab agar fenomena perkahwinan tanpa kebenaran dapat diselesaikan.

Perkara ini memerlukan pendekatan yang menyeluruh melalui kerjasama antara pihak berkuasa agama, masyarakat, dan institusi pendidikan. Pihak yang bertanggungjawab perlu melaksanakan strategi yang lebih berkesan dalam menangani isu ini termasuk memperkemarkan prosedur pendaftaran perkahwinan, meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai hak dan kewajiban dalam perkahwinan dan memberi penekanan kepada pendidikan moral dalam masyarakat. Jika pendekatan yang bersepadu dan komitmen semua pihak, fenomena perkahwinan tanpa kebenaran dapat ditangani dengan lebih berkesan seterusnya dapat memperkukuhkan institusi kekeluargaan dalam Masyarakat.

Implikasi Perkahwinan Tanpa Kebenaran

Fenomena dan amalan perkahwinan tanpa kebenaran mendatangkan implikasi negatif terhadap keharmonian dalam masyarakat. Implikasi tersebut memberi impak kepada institusi kekeluargaan terutamanya apabila berlaku kes perceraian atau kematian.

Isteri merupakan pihak yang pertama menerima kesan akibat perkahwinan tanpa kebenaran dengan ketidakpastian dari sudut status perundangan. Menurut Fhirhad dan Azizah (2023), wanita yang berkahwin tanpa kebenaran tidak memperoleh perlindungan undang-undang yang sepenuhnya kerana perkahwinan mereka tidak diiktiraf secara rasmi. Perkahwinan tersebut juga menyebabkan isteri menghadapi kesukaran untuk menuntut hak-hak mereka seperti nafkah dan tempat tinggal. Ada segelintir suami yang bersikap sambil lewa dan menghilangkan dokumen perkahwinan kerana enggan mendaftarkannya. Kenyataan tersebut diutarakan oleh IK3:

*Helah ore jate jugak tak se buwi daftar lepas nikoh alik siye adalah dia perile
surat-surat nikoh diyo tu, meme sengajo jah wak gitu tu.*

Peruntukan Akta 122 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Kelantan (2002) menetapkan sekiranya isteri tidak mempunyai dokumen yang sah menyebabkan mereka tidak boleh memohon harta sepencarian apabila berlaku perceraian, poligami atau kematian suami. Keadaan ini secara tidak langsung memberi tekanan dari sudut psikologi seperti kemurungan (Abdul Karim & Abdul Rauf, 2020).

Selain isteri, anak juga terkesan akibat perkahwinan tanpa kebenaran kerana menghadapi isu status sebagai “anak tidak sah taraf”. Peruntukan Seksyen 13 Akta Kelahiran dan Kematian (Akta 299) memperuntukkan bahawa anak yang dilahirkan tanpa melalui perkahwinan yang sah tidak boleh dinamakan dengan nama bapa secara rasmi. Bukan itu sahaja malah mereka juga menghadapi kesukaran untuk mendapatkan sijil kelahiran, kad pengenalan dan dokumen rasmi lain kerana ketiadaan sijil nikah ibu bapanya yang sah. Isu ketiadaan dokumen boleh menjejaskan akses anak-anak kepada pendidikan dan peluang pekerjaan pada masa hadapan (Borhanuddin, Samah, & Mat Hussin, 2023).

Perkahwinan tanpa kebenaran juga mendatangkan kesan buruk kepada keluarga apabila timbul konflik dan perpecahan terutamanya apabila perkahwinan tersebut dilakukan tanpa persetujuan keluarga sepertimana yang dihuraikan oleh IK3:

Klu de nikoh caro tok berapa betul nih ngelah gak, meme keluar ake masuk campur, klu de tahu ko keluarga besar lagilah, tu yang sapa nok gocoh sebab nikoh caro tok berapa keno.

Kebanyakan kes yang melibatkan ahli keluarga berlaku akibat perkahwinan tanpa kebenaran di selatan Thailand dan diketahui oleh pihak keluarga. Keluarga terpaksa menanggung beban kewangan dan sokongan sosial untuk membantu para pasangan berkahwin tanpa kebenaran terutamanya ketika menyelesaikan isu-isu perundangan (Abdullah et al, 2021).


Kedudukan wali dalam perkahwinan tanpa kebenaran turut memberi kesan terutamanya melibatkan wali utama dalam keluarga kerana tanpa wali perkahwinan tidak dapat dilaksanakan. Dalam kes Suberi Abdullah lwn Siti Fatimah Suberi dan Anor (2010) 1 CLJ (SYA) 208, seorang wanita berkahwin menggunakan wali hakim di Songkhla atas alasan bapa tidak bersetuju dengan pilihannya. Walau bagaimanapun siasatan mahkamah mendapati bapanya tidak bersetuju kerana bakal menantunya tidak sekufu yang menyebabkan perkahwinan tersebut dibatalkan oleh mahkamah dan dihukumkan sebagai tidak sah. Oleh yang demikian, penafian terhadap kewujudan wali sah boleh membatalkan sebuah perkahwinan

Sementara itu dalam konteks pewarisan harta pusaka, perkahwinan tanpa kebenaran menyebabkan isteri dan anak-anak tidak berhak ke atas harta pusaka. Tanpa sijil nikah yang sah, isteri tidak dapat menuntut hak ke atas harta selepas kematian suaminya. Ketiadaan dokumentasi yang sah turut menimbulkan pertikaian dengan ahli waris lain apabila dipersoalkan kesahan perkahwinan. Situasi ini menyebabkan hak ke atas isteri dan anak-anak tidak terbela serta mengundang pelbagai implikasi lain. Kenyataan tersebut sepertimana dinyatakan oleh IK8:

Hok teghuk laginyo nyo baloh sama2 keluargo mugo hok isteri pertamo kato mu x dop hok mugo tok nikoh molek, hok isteri kedua plak kato dia ado hok mugo dia pun isteri jugak.

Institusi agama juga tidak terkecuali dalam kes perkahwinan tanpa kebenaran kerana boleh menjejaskan kredibiliti jabatan di mata Masyarakat. Apatah lagi timbul persepsi bahawa institusi agama gagal mengawal dan mengurus hal ehwal perkahwinan dengan berkesan. Institusi agama perlu mengkaji semula sistem dan prosedur sedia ada bagi menangani isu ini dengan lebih berkesan, termasuk memperkenalkan mekanisme baru untuk mengesahkan perkahwinan melalui prosedur khas dan proses pemutihan (Md. Nor, & Mohd Shari, 2006).

Perkahwinan tanpa kebenaran turut mendatangkan implikasi terhadap perundangan Islam. Enakmen Undang-undang Keluarga Islam di pelbagai negeri perlu dipinda untuk menangani isu-isu yang timbul daripada perkahwinan tanpa kebenaran dengan lebih berkesan. Terdapat keperluan untuk menyeragamkan prosedur di seluruh Malaysia bagi pengendalian kes-kes yang timbul untuk memastikan keadilan semua pihak yang terlibat. Sistem perundangan Islam perlu diperkukuh dengan mekanisme penguatkuasaan yang lebih berkesan demi memastikan hak-hak individu yang terlibat dilindungi (Abdul Karim, & Abdul Rauf, 2020). Rajah 2 berikut menunjukkan implikasi perkahwinan tanpa kebenaran:



RAJAH 2. Implikasi Perkahwinan Tanpa Kebenaran

Dalam hal ini, semua pihak sama ada pihak berkuasa agama, institusi perundangan dan masyarakat perlu bekerjasama menangani kesan buruk terhadap semua pihak yang terlibat. Dengan ini, setiap individu akan lebih dilindungi secara sah dan terjamin haknya, sekali gus memastikan keutuhan dan kesejahteraan institusi kekeluargaan di negara. Pendekatan bersepadu ini akan menyumbang kepada pencapaian objektif jangka panjang dalam memelihara kestabilan sosial dan moral masyarakat.

Statistik Perkahwinan Tanpa Kebenaran Tahun 2019-2023

Kesalahan yang melibatkan kes perkahwinan tanpa kebenaran terus berlaku dan boleh menggugat keharmonian serta keutuhan institusi kekeluargaan. Jadual 2 berikut menunjukkan statistik kes tersebut di negeri Kelantan bagi tahun 2019 sehingga 2023;

JADUAL 2. Statistik kes pendaftaran pernikahan tanpa kebenaran di Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Kelantan bagi tahun 2019 – 2023

No.	Tahun	Jumlah		Jumlah Keseluruhan
		Daftar	Selesai	
1.	2019	1462	1837	3299
2.	2020	1043	1097	2140
3.	2021	1600	1018	2618
4.	2022	2095	2362	4457
5.	2023	1484	1623	3107

Statistik Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Kelantan pada Jadual 1 di atas menunjukkan jumlah kes yang di daftar dan selesai. Data tahun 2019 menunjukkan jumlah yang diselesaikan melebihi yang berdaftar iaitu sebanyak 375 kes disebabkan oleh penyelesaian terhadap kes yang tertunggak pada tahun 2018. Trend yang sama turut berlaku pada tahun 2019 iaitu jumlah kes yang diselesaikan melebihi jumlah daftar sebanyak 54 kes. Berbeza pula pada tahun 2021 apabila kes yang berdaftar melebihi kes yang selesai iaitu sebanyak 582 kes kerana kelonggaran perintah kawalan pergerakan pasca COVID-19 dan terdapat kes-kes yang memerlukan masa untuk diselesaikan oleh pihak Jabatan Pendakwaan. Pada tahun 2022 jumlah pula kes selesai melebihi

kes yang berdaftar sebanyak 267 walaupun jumlah kes yang direkodkan adalah yang tertinggi sepanjang lima tahun data dikeluarkan. Situasi yang sama turut berlaku pada tahun 2023 apabila merekodkan kes yang diselesaikan melebihi kes yang berdaftar sebanyak 139 kes.

Analisis data statistik perkahwinan tanpa kebenaran oleh Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Kelantan (2019-2023) ini menunjukkan trend yang tidak statik. Pada tahun 2019, sejumlah 3,299 kes telah direkodkan sebelum jumlah tersebut menurun kepada 2,140 kes pada tahun 2020. Walau bagaimanapun, pada tahun 2021, kes meningkat semula kepada 2,618, diikuti dengan lonjakan ketara pada tahun 2022 sebanyak 4,457 kes, sebelum menurun kepada 3,107 kes pada tahun 2023. Pada tahun 2019 sebanyak 1,462 kes direkodkan, yang mana angka ini dianggap tinggi memandangkan peristiwa tersebut bertepatan dengan permulaan wabak COVID-19, di mana masyarakat menjadi lebih berhati-hati dalam menjalankan urusan perkahwinan.

Trend menurun ditunjukkan pada tahun 2020 kepada 1,043 kes, penurunan ini mempunyai hubungan yang rapat dengan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akibat pandemik COVID-19, yang menghalang sebarang aktiviti rentas sempadan Thailand (Shamrahayu Ab. Aziz, 2021). Walau bagaimanapun, trend perkahwinan tanpa kebenaran melalui platform atas talian pula meningkat. Malah, timbul bentuk perkahwinan baru secara atas talian iaitu perkahwinan atas talian menggunakan juruakad jarak jauh. Peningkatan tersebut berpunca daripada penguatkuasaan ketat yang memaksa mereka beralih ke platform atas talian (Siti Aishah Borhanuddin et al, 2022).

Tahun 2021 menyaksikan peningkatan mendadak kepada 1,600 kes yang berkait rapat dengan pembukaan semula sempadan dan kelonggaran prosedur perkahwinan di Thailand selepas pandemik (Wan Abdul Fattah et al., 2023). Laporan Jabatan Pendakwaan Syariah Kelantan (2022) menunjukkan 60% daripada kes ini melibatkan pasangan yang terpaksa menangguhkan perkahwinan akibat PKP dan berkahwin tanpa kebenaran selepas sempadan dibuka. Fenomena ini mencerminkan sikap mengambil mudah urusan perkahwinan dengan memilih untuk melangsungkan perkahwinan tanpa kebenaran khususnya di Selatan Thailand.

Pada tahun 2022 merekodkan jumlah kes melonjak ke paras tertinggi iaitu sebanyak 2,095 kes. Peningkatan kes berpunca daripada kesan pasca pandemik COVID-19 mengakibatkan ramai pasangan melaksanakan perkahwinan tanpa kebenaran kerana kos yang jimat dan rendah (Hafiz, 2024). Keadaan ini menuntut pihak berkuasa untuk mencari penyelesaian yang lebih berkesan untuk mengatasi masalah perkahwinan tanpa kebenaran dengan mematuhi undang-undang yang ada.

Situasi berbeza direkodkan pada tahun 2023 kerana jumlah kes menurun kepada 1,484. Situasi ini dikaitkan dengan pelbagai faktor luaran dan dalaman seperti pelaksanaan Program Kesedaran Undang-undang Keluarga Islam yang diperkenalkan secara berterusan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan (JAHEAIK) dengan kerjasama masjid-masjid di seluruh Kelantan. Program ini telah berjaya meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai implikasi perkahwinan tanpa kebenaran dari segi undang-undang (Hafiz, 2024). Selain itu, program ceramah berkelompok yang dianjurkan di seluruh jajahan di Kelantan juga telah memberi impak positif dalam menurunkan kadar kes perkahwinan tanpa kebenaran.

Jumlah keseluruhan kes dalam tempoh lima tahun adalah sebanyak 15,621 kes menunjukkan angka yang masih membimbangkan dan memerlukan perhatian. Semua pihak perlu menyedari fenomena ini dan menerima hakikat bahawa jumlah kes ini terus meningkat tanpa menunjukkan tanda penurunan yang ketara. Oleh itu, usaha berterusan perlu digembeleng seperti menaiktaraf sistem sedia, pemerkasaan sistem pendaftaran secara fizikal dan dalam talian,

mempercepatkan tempoh kelulusan permohonan, memperkasakan program kesedaran mengenai risiko perkahwinan tanpa kebenaran dari perspektif agama dan undang-undang. Usaha berterusan ini perlu dimainkan oleh semua pihak agar kes perkahwinan tanpa kebenaran dapat ditangani dengan sebaiknya.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya kes membabitkan perkahwinan tanpa kebenaran di Kelantan bagi tempoh 2019 sehingga 2023 agak membimbangkan. Perkahwinan tanpa kebenaran pada hakikatnya tidak dibenarkan syarak kerana bertentangan dengan undang-undang. Justeru, objektif perkahwinan perlu difahami agar selari dengan syariat dan perundangan Empat faktor utama yang mendorong berlaku perkahwinan tanpa kebenaran iaitu poligami, kesukaran prosedur perkahwinan, kekurangan literasi prosedur perkahwinan dan keterlanjuran yang mendatangkan implikasi buruk terhadap semua pihak yang terlibat sama ada isteri, anak-anak, keluarga, perwalian, pewarisan harta pusaka, institusi agama dan perundangan Islam. Beberapa penambahbaikan diperlukan antaranya sistem pendaftaran perkahwinan diintegrasikan dengan penggunaan teknologi digital. Penggunaan sistem pendaftaran yang lebih efisien dan mesra pengguna meliputi penyediaan sistem semakan status permohonan secara langsung serta pendigitalan dokumen-dokumen yang berkaitan.

Selain itu, kerjasama strategik antara dua negara iaitu Malaysia dan Thailand perlu dipereratkan terutamanya dalam aspek perkongsian maklumat termasuklah aspek penguatkuasaan undang-undang perkahwinan rentas sempadan dipertingkatkan. Pada masa yang sama, penguatkuasaan undang-undang syariah perlu dinaik taraf untuk memastikan isu ini dapat diselesaikan dengan efektif oleh semua pihak yang berkepentingan (Haji Noor, et al., 2025). Dicapai kajian lanjutan mengfokuskan analisis perkahwinan tanpa kebenaran melibatkan temu bual bersama responden dalam kalangan individu yang terlibat. Kajian akan memberikan input tambahan yang bermanfaat kepada pihak pejabat agama untuk menyelesaikan isu perkahwinan tanpa kebenaran.

RUJUKAN

- Abdul Karim, N. H., & Abdul Rauf, S. H. (2020). *Perkahwinan tanpa kebenaran: Analisis kes di Mahkamah Rendah Syariah Pekan, Pahang*. *Journal of Islam and Contemporary Society*, 21(3), 101–112. <https://doi.org/10.37231/jimk.2020.21.3.447>
- Abdullah, S., Hussin, N. S., & Ramli, A. J. (2021, August 2). *Impak perkahwinan tanpa kebenaran memberi kesan terhadap pasangan dan institusi kekeluargaan: Kajian kes di negeri Perlis*. Paper presented at *The 2nd International Conference on Communication in Scientific Inquiry (CSI)*.
- Al-Bugha, M. D., & Khin, M. S. (2020). *Al-fiqh al-manhaji*. Dimashq, Syria: Dar al-Qalam.
- Al-Ghazali, A. H. M. bin M. (2020). *Ihya' 'ulum al-din* [The revival of religious sciences]. Beirut, Lebanon: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Ghazzi, I. Q. (2020). *Fath al-qarib al-mujib fi sharh alfaz al-taqrib* [Commentary on “Al-Taqrib”]. Amman, Jordan: Maktabah al-Wataniyyah.

- Al-Khallaf, A. W. (2017). *Ahkam al-ahwal al-shakhshiyyah* [Personal status law]. Dimashq, Syria: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Qurtubi, M. A. (2006). *Al-jami' li-ahkam al-Qur'an* [The comprehensive book of Qur'anic rulings]. Beirut, Lebanon: Mu'assasah al-Risalah.
- Al-Tabari, M. I. J. (2001). *Jami' al-bayan 'an ta'wil ay al-Qur'an* [Comprehensive explanation of Qur'anic verses]. Beirut, Lebanon: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Zuhayli, W. (2011). *Al-fiqh al-islami wa adillatuhu* (Vol. 7). Damascus, Syria: Dar al-Fikr.
- Baihaqi, M. (2022). *Kesedaran hukum masyarakat Kubang Kerian terhadap Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Kelantan tentang poligami* [Master's thesis, UIN Sunan Gunung Djati Bandung].
- Berita Harian. (2022, June 15). *Majoriti kes kahwin tanpa kebenaran di Thailand*. <https://www.bharian.com.my/>
- Borhanuddin, S. A. (2022). *Sorotan literatur terhadap polemik perkahwinan tanpa kebenaran di Malaysia*. *Journal of Shariah Law Research*, 7(2), 273–298.
- Borhanuddin, S. A., Samah, M., & Mat Hussin, M. N. (2023). *Kesalahan berkahwin tanpa kebenaran bagi orang Islam di Malaysia: Tinjauan berdasarkan perspektif syarak dan undang-undang*. *Jurnal Pengajian Islam*, 16(2), 99–121.
- Dina Imam Supaat, A., Abdul Ghafar, A., & Che Amani, N. (2024). *Kerentanan dan perlindungan undang-undang: Meneroka undang-undang keluarga Islam di Malaysia*. *Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia*, 36(2), 181–212.
- Fhirhad, F., & Azizah, M. R. (2023, November 15). *Kesan pernikahan tanpa kebenaran terhadap isteri menurut Undang-undang Keluarga Islam Negeri Selangor*. Paper presented at *International Conference on Syariah & Law (ICONSYAL 2023)*. https://conference.uis.edu.my/iconsyal/images/2023/e proceeding/1095_.pdf
- Haji Noor, A. A. S., Mubarak, M. Z., & Yusuff, N. A. (2025). *Tahap kesediaan Kerajaan Kelantan terhadap pelaksanaan Kanun Jenayah Syariah II (1993) 2015*. *International Online Journal of Language, Communication, and Humanities*, 8(1), 108–123. <https://doi.org/10.47254/insaniah.v8i1.309>
- Hussain, M. H. M. S., Md Hashim, N., Abdul Hak, N., Che Soh, R., Ahmad Fuzi, F. H., & Yaakob, K. S. (2020). *Kajian sosio-perundangan perkahwinan merentasi sempadan di Nusantara*. *Journal of Nusantara Studies*, 5(2), 129–151.
- Ibn Qudamah. (2004). *Al-mughni* [The Sufficient Jurist]. Cairo, Egypt: Dar al-Hadith.
- Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia. (2023). *Laporan statistik Mahkamah Syariah Malaysia*. Putrajaya, Malaysia: Author.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (2012). *Garis panduan bagi prosedur pentadbiran perkahwinan, perceraian dan rujuk*. <https://www.islam.gov.my/ms/garis-panduan/476-garis-panduan-bagi-prosedur-pentadbiran-perkahwinan-penceraian-dan-ruju>
- Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Kelantan. (2023). *Laporan tahunan Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Kelantan 2022*. Kota Bharu, Malaysia: Author.
- Mahmood Zuhdi, H. A. M., & Raihanah, H. A. (1989). *Undang-undang keluarga Islam: Konsep dan perlaksanaannya di Malaysia*. Kuala Lumpur, Malaysia: Karya Abazie.
- Maxwell, J. A. (2002). *Qualitative research design: An interactive approach* (2nd ed.). Thousand Oaks, CA: Sage Publications.

- Md. Nor, A. H., & Mohd Shari, S. S. (2006). *Faktor penyebab perkahwinan tanpa kebenaran di luar negara: Satu kajian di Mahkamah Rendah Syariah Muar*. *Jurnal Syariah*, 14(2), 145–161.
- Md Zawawi, A. B., Mohd Ali Hanafiah, N., & Ibrahim, A. Z. (Eds.). (2020). *Pembangunan sosial mengikut perspektif Islam*. Sintok, Malaysia: UUM Press.
- Mohd Hafiz, D. (2024, May). *Temu bual bersama Ketua Pendakwa Raya Syarie Kelantan*. Kota Bharu, Malaysia: Jabatan Pendakwaan Syariah Kelantan.
- Mohd Zahiruddin Fahmi, A. Z. (2015). *Perkahwinan tidak mengikut prosedur: Kajian di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur* [Doctoral dissertation, Universiti Malaya].
- Muhammad Adnan, S., & Muhammad Wahbi, S. (1998). *Mu'jam kalimah al-Qur'an* [Dictionary of Qur'anic words]. Damascus, Syria: Dar al-Fikr.
- Muslim Ibrahim, & Muhammad Safiq Imran bin Samsudin. (2018). *Prosedur poligami di Malaysia: Analisis Akta Undang-undang Keluarga Islam Wilayah-Wilayah Persekutuan*. *Samarah: Jurnal Hukum Keluarga dan Hukum Islam*, 2(1), 1–26.
- Mustafa, D. (2020). *Al-fiqh al-manhaji* [The methodological jurisprudence]. Dimashq, Syria: Dar al-Qalam.
- Mustafa Ahmad, Z. (1967). *Al-madkhal al-fiqhi al-'am* [The general introduction to Islamic jurisprudence]. Damascus, Syria: Dar al-Fikr.
- Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia. (2002, July 1). *Perkahwinan lari meninggalkan wali lebih dua marhalah mengikut mazhab al-Syafie*.
- Raihanah, A. (1997). *Amalan poligami di kalangan orang Islam di Malaysia*. *Jurnal Syariah*, 5(1), 45–66.*
- Samudin, S. A. (2022). *Ulasan buku: Undang-undang kesalahan jenayah syariah di Malaysia*. *Journal of Shariah Law Research*, 7(1), 147–160.*
- Shamrahayu, A. A., Yaakub, N. I., Mohd Yusof, F., Abdul Hamid, N. A., Harun, A. H., Sapuan, N. A., Hassim, M. H., & Abdul Salam, N. Z. M. (2021). *Isu berkaitan kedudukan Islam dalam Perlembagaan*. *Jurnal Yadim: International Journal of Islam and Contemporary Affairs*, 1(1), 37–54.*
- Sheikh Muhammad bin Ibrahim. (1979). *Fatawa wa rasail* [Legal opinions and treatises]. Makkah, Saudi Arabia: Dar al-Ummah.
- Sinar Harian. (2022, March 15). *Peningkatan kes kahwin lari di Kelantan membimbangkan*. <https://www.sinarharian.com.my/>
- Sinar Harian. (2023, January 9). *Permohonan nikah Siam meningkat dua kali ganda*. <https://www.sinarharian.com.my/>
- Siti Aishah Borhanuddin, Samah, M., & Mat Hussin, M. N. (2022). *Sorotan literatur terhadap polemik perkahwinan tanpa kebenaran di Malaysia: A literature review on marriage without permission in Malaysia*. *Journal of Shariah Law Research*, 7(2), 273–298.
- Suhaya, D., Hanin Hamjah, S., Mokhtar, A. I., & Ghazali, M. I. E. (2017). *Persepsi masyarakat terhadap keperluan perkhidmatan kaunseling spiritual*. *Islamiyyat*, 39(1), 57–65.
- Wan Abdul Fattah, W. I., Baharuddin, A. S. B., Zulfaqar, M., Lukman, A. M., Hasnizam, H., & Alias, M. A. A. (2023). *Preliminary analysis of the factors increasing cross-border marriage cases among the Muslim community in Malaysia*. *Al-Qanatr: International Journal of Islamic Studies*, 30(1), 1–15.*

- Yusof al-Qaradawi. (2011). *Fatawa mu'asirah* [Contemporary fatwas]. Kuwait: Dar al-Qalam.
- Zanariah, N. (2013). *Perkahwinan kanak-kanak dan tahap minima umur perkahwinan dalam Undang-undang Keluarga Islam. Jurnal Syariah*, 21(2), 165–190.*